



SIARAN MEDIA

KEMBARA MERDEKA JALUR GEMILANG (KMJG) 2023 PERINGKAT NEGERI KEDAH

PADA 18 HINGGA 21 JULAI 2023

ALOR SETAR, 18 JULAI 2023 – Kembara Merdeka Jalur Gemilang tahun 2023 (KMJG 2023) dilaksanakan dengan pendekatan **“Value for Money”**. Ia diaktifkan kembali bermula pada tahun 2022 setelah dua tahun (2020 – 2021) direhatkan akibat daripada pandemik COVID-19. Pelaksanaan KMJG pada edisi ini mengekalkan konsep konvoi yang membawa Jalur Gemilang ke seluruh negara dengan konsep “Penyerahan Jalur Gemilang” antara satu negeri dengan negeri yang lain di setiap sempadan negeri yang terlibat.

Flag Off KMJG 2023 telah bermula pada 16 Julai 2023 semasa Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2023 dan berakhir pada 31 Ogos 2023 semasa (Sambutan Hari Kebangsaan 2023).

Simbolik KMJG 2023 adalah berbentuk perarakan Baton Jalur Gemilang yang dibawa dan diserahkan di setiap lokasi utama (checkpoint) negeri-negeri seluruh Malaysia. Konvoi ini akan menjelajah ke seluruh negara melalui perjalanan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan.

Kembara ini turut menonjolkan keunikan di setiap hentian bagi mengetengahkan perpaduan masyarakat MADANI di setiap lokasi daripada segi budaya, makanan, tarikan setempat selain gaya hidup komuniti tersebut.

Negeri Kedah merupakan negeri ketiga yang menerima baton dari Negeri Pulau Pinang pada 18 Julai 2023 sejurus pelepasan konvoi Kembara Merdeka Jalur Gemilang 2023 oleh YAB Perdana Menteri pada 16 Julai yang lalu dan lokasi penerimaan baton bagi Negeri Kedah adalah di Pasar Bisik Penaga/Kuala Muda yang terletak di sempadan Negeri Kedah/ Pulau Pinang.

Kembara Merdeka Jalur Gemilang (KMJG) 2023 berada di negeri Kedah bermula pada 18 Julai 2023 (Selasa) sehingga 21 Julai 2023 (Jumaat) melibatkan tujuh (7) daerah iaitu daerah Kuala Muda, Pendang, Kota Setar, Kubang Pasu, Padang Terap, Sik dan Baling. Pada 21 Julai 2023 (Jumaat), negeri Kedah telah menyerahkan baton tersebut ke negeri yang seterusnya iaitu negeri Perak bertempat di Dewan Tok Pawang, Kampung Baru Tasek, Pengkalan Hulu.

Laluan Kembara Merdeka Jalur Gemilang Negeri Kedah 2023 adalah seperti berikut:

HARI PERTAMA - 18 Julai 2023 (SELASA)

a) Ibu Pejabat JaPen Kedah– *Checkpoint 1*

- Konvoi bertolak dari Ibu Pejabat Jabatan Penerangan Malaysia Negeri Kedah ke Pasar Bisik Penaga/Kuala Muda

b) Pasar Bisik Penaga/Kuala Muda – *Checkpoint 2*

- Konvoi tiba di Pasar Bisik Penaga/Kuala Muda
- Majlis sambutan konvoi oleh YB Parlimen Sungai Petani.
- Menerima Baton daripada Konvoi Kembara Merdeka Jalur Gemilang Negeri Pulau Pinang di Pasar Bisik Penaga/Kuala Muda.
- Penyerahan bendera kepada Komuniti Setempat
- Edaran Jalur Gemilang kepada orang ramai.

LALUAN: Perkarangan Kompleks Penerangan & Penyiaran, Alor Setar – Pasar Bisik Penaga / Kuala Muda

HARI KEDUA - 19 Julai 2023 (RABU)

a) Stadium Mini Pendang – *Checkpoint 3*

- Konvoi berkumpul di Stadium Mini Pendang
- Konvoi bergerak ke Kampung KEDA Asam Jawa

b) Kampung KEDA Asam Jawa, Pendang

- Majlis sambutan oleh Pegawai Daerah Pendang.
- Penyerahan Jalur Gemilang kepada ketua-ketua jabatan daerah Pendang
- Aktiviti booth pameran dan Jualan Rahmah
- Edaran Jalur Gemilang kepada orang ramai.
- Bertolak ke Star Parade Alor Setar

c) Perkarangan Star Parade, Alor Setar – *Checkpoint 4*

- Konvoi KMJG tiba di lokasi
- Pertunjukan dari APM Kedah
- Edaran Jalur Gemilang kepada orang ramai.
- Bertolak ke sempadan Kedah/Perlis untuk serahan Jalur Gemilang kepada negeri Perlis

d) Masjid Al-Maghfirah, Perlis – *Checkpoint 5*

- Majlis Penyerahan Baton kepada Konvoi Kembara Merdeka Jalur Gemilang Negeri Perlis.
- Laluan tamat dan bersambung pada 20 Julai 2023 di Pintu Gerbang Jelempek Arau, Perlis
- Baton KMJG 2023 berada di Negeri Perlis.

LALUAN : Mini Stadium Pendang – KEDA Asam Jawa – Pekan Pendang – Pekan Tanah Merah – Alor Puntis – Alor Puduk – Kampung Alor Beral – Jalan Datuk Kumbang – Tajar – Jalan Alor Mengkudu – Mydin Taman Saga – Jalan Tanjong Bendahara – Pusat Bandar – Star Parade, Alor Setar – Sempadan Kedah/Perlis – Masjid Al-Maghfirah

HARI KETIGA – 20 JULAI 2023 (KHAMIS)

a) Pintu Gerbang Jelempek Arau, Perlis – *Checkpoint 6*

- Konvoi berkumpul di Kompleks Penerangan & Penyiaran, Alor Setar.
- Konvoi bertolak ke Pintu Gerbang Jelempek Arau, Perlis
- Penyerahan Baton oleh KMJG Negeri Perlis kepada KMJG Negeri Kedah.
- Bertolak ke Gua Kerbau, Kodiang

b) Gua Kerbau, Kodiang - *Checkpoint 7*

- Majlis sambutan oleh Pegawai Daerah Kubang Pasu
- Simbolik Perasmian Kembara Merdeka Jalur Gemilang – Pegawai Daerah dan Ketua Konvoi menandatangani banner kemerdekaan
- Edaran Jalur Gemilang kepada orang ramai.

LALUAN : Sempadan Kedah / Perlis – Pekan Kodiang – Gua Kerbau, Kodiang.

HARI KEEMPAT – 21 JULAI 2023 (JUMAAT)

a) Kompleks Penerangan dan Penyiaran – Dataran Putra, Kuala Nerang – *Checkpoint 8 & 9*

- Konvoi berkumpul di Kompleks Penerangan dan Penyiaran
- Konvoi bertolak ke Dataran Putra, Kuala Nerang.
- Majlis sambutan oleh Pegawai Daerah Padang Terap
- Penyerahan Jalur Gemilang kepada Ketua-ketua Jabatan Daerah Padang Terap
- Konvoi bergerak ke daerah Sik

b) Pejabat Penerangan Daerah Sik – *Checkpoint 10*

- Majlis Sambutan konvoi oleh Pegawai Daerah Sik.
- Lukisan Mural Kemerdekaan oleh BKVS JAPEN
- Simbolik perasmian program KMJG Daerah Sik 2023 oleh Ketua Konvoi KMJG dengan melengkapkan Lukisan Mural Kemerdekaan.
- Edaran Jalur Gemilang.
- Bertolak ke daerah Baling

c) Teratak Batu Besar Ulu Legong, Baling – *Checkpoint 11*

- Majlis sambutan oleh Pegawai Daerah Baling
- Lafaz Ikrar Rukun Negara oleh Pegawai APM Daerah Baling
- Penyampaian Jalur Gemilang
- Edaran Jalur Gemilang kepada orang ramai.

d) Masjid Ibadurahman Ulu Legong, Baling - Teratak Batu Besar Ulu Legong, Baling - Sempadan Kedah/Perak

- Solat Jumaat @ Masjid Ibadurahman Ulu Lenggong, Baling.
- Edaran Jalur Gemilang kepada Jemaah Masjid
- Konvoi KMJG 2023 berkumpul kembali ke Teratak Batu Besar
- Pelepasan Konvoi KMJG 2023 ke sempadan Kedah/Perak oleh Pegawai Daerah Baling

e) Dewan Tok Pawang, Kampung Baru Tasek, Pengkalan Hulu, Perak (sempadan Kedah/Perak) – *Checkpoint 12*

- Tiba di Dewan Tok Pawang, Kampung Baru Tasek, Pengkalan Hulu
- Penyerahan Jalur Gemilang kepada Konvoi KMJG Negeri Perak
- Laluan Program Kembara Merdeka Jalur Gemilang 2023 peringkat Negeri Kedah berakhir.

LALUAN : Pekan Kuala Nerang – Tandop Besar – Pekan Naka – Nami – Ampang Muda – Beris – Kampung Betong – Pekan Sik – Bendang Man – Tanjung Pari – Weng – Ulu

Legong – Siong – Kampung Siput – Kampung Bandar – Pekan Baling – Gunung Inas – Sempadan Kedah / Perak (Pengkalan Hulu)

Penganjuran program pada tahun ini melibatkan penyertaan kenderaan dari pelbagai agensi seperti keluarga kementerian, jabatan & agensi di peringkat persekutuan, negeri dan daerah serta Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) serta kelab permotoran dari pelbagai latar belakang.

Manakala bagi negeri Kedah, Jabatan/ Agensi/ NGO yang terlibat bagi Kembara Merdeka Jalur Gemilang Negeri Kedah 2023 adalah:

BIL	JABATAN / AGENSI / NGO	BIL. JENTERA
1.	Polis Diraja Malaysia	Kereta (1) Motosikal (4)
2.	Angkatan Pertahanan Awam Malaysia	1 buah
3.	Kelab Motorsikal K16	20 Buah
4.	JaPen Kedah	6 buah
5.	RTM	1 buah
6.	BERNAMA	1 buah
7.	MCMC	1 buah
8.	FINAS	1 buah
9.	POS MALAYSIA	1 buah
10.	TM MALAYSIA	1 buah
Jumlah Keseluruhan Motorsikal 24 buah Kereta 14 buah		38 buah

JABATAN PENERANGAN MALAYSIA NEGERI KEDAH

18 JULAI 2023

###

Disediakan oleh : Jawatankuasa Publisiti
Kembara Merdeka Jalur Gemilang (KMJG) 2023
Peringkat Negeri Kedah Darul Aman
Kompleks Penerangan & Penyiaran Sultan Abdul
Halim, Jalan Kuala Kedah, 05400 Alor Setar Kedah
Telefon : 04-7711 395/014-960 2381
E-mel : kedahcms@gmail.com